



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 27 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **11,526 kes** (865,439 kes kumulatif, 82.9%);
- Kes baharu : **16,117 kes** (1,044,071 kes kumulatif);
- Kes import : **26 kes** (12 warganegara, 14 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **16,091 kes** [12,984 warganegara (80.7%); 3,107 bukan warganegara (19.3%)];
- Kes aktif : **170,224 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,023 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **524 kes**;
- Kes kematian : **207 kes** (8,408 kes kumulatif, 0.81%; 181 warganegara, 26 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,527 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **42 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,499 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,028 kluster**.

Daripada **16,117 kes harian** yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak:

- **87 kes, 0.5 peratus (95.4% kes tiada sejarah vaksinasi)** adalah daripada kategori 5 (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan);
- **124 kes, 0.8 peratus (83.9% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 4 (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen);
- **135 kes, 0.8 peratus (73.3% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 3 (radang paru-paru);
- **6,710 kes, 41.6 peratus (79.5% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 2 (bergejala ringan); dan
- **9,061 kes, 56.3 peratus (94.4% kes tiada sejarah vaksinasi)** kategori 1 (tidak bergejala).

Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal mereka semasa baru didiagnosa COVID-19. Ada di antara mereka kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan mereka sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, pada mula didiagnosa: 2.1% kes dilaporkan hari ini berada pada kategori 3 hingga 5 (82.7% tiada sejarah vaksinasi) dan 97.9% kes pada kategori 1 dan 2 (88.1% tiada sejarah vaksinasi).

Sebanyak **207 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **96 kes** di Selangor, **34 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **21 kes** di Johor, **17 kes** di Melaka, **15 kes** di Kedah, **tujuh (7) kes** di Negeri Sembilan, **lima (5) kes** di Kelantan, masing-masing **tiga (3) kes** di Sabah dan Terengganu, masing-masing **dua (2) kes** di Sarawak dan Pahang, serta masing-masing **satu (1) kes** di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 26 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **26 Julai 2021**, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.14. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Terengganu (nilai RT 1.29) diikuti oleh Kedah dan Johor (nilai RT 1.26), serta Sabah (nilai RT 1.23). Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Labuan dan Perlis.

Nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 Julai 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 27 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,616 (3)	380,593
WP KUALA LUMPUR	2,457 (20)	113,933
JOHOR	907 (1)	86,614
SABAH	741	80,931
SARAWAK	405 (1)	74,747
NEGERI SEMBILAN	669 (1)	67,736
PULAU PINANG	618	43,117
KEDAH	1,000	40,637
KELANTAN	592	40,611
PERAK	583	35,092
MELAKA	674	29,141
PAHANG	403	22,176
TERENGGANU	317	14,880
WP LABUAN	11	9,618
WP PUTRAJAYA	122	3,583
PERLIS	2	662
JUMLAH KESELURUHAN	16,117 (26)	1,044,071

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 207 kes kematian pada 27 Julai 2021 adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JANTINA		KEWARGANEGARAAN		TEMPAT KEMATIAN		SEJARAH PENYAKIT
		L*	P*	WN**	BWN**	HOSPITAL	BID***	
Selangor	96	56	40	83	13	82	14	70
WP Kuala Lumpur	34	19	15	29	5	31	3	27
Johor	21	10	11	20	1	21	-	17
Melaka	17	10	7	15	2	13	4	14
Kedah	15	8	7	14	1	7	8	12
Negeri Sembilan	7	1	6	5	2	7	-	6
Kelantan	5	3	2	5	-	4	1	5
Sabah	3	2	1	2	1	3	-	3
Terengganu	3	1	2	3	-	3	-	2
Pahang	2	1	1	2	-	1	1	2
Sarawak	2	1	1	1	1	2	-	2
WP Labuan	1	-	1	1	-	1	-	1
Pulau Pinang	1	-	1	1	-	1	-	-
Jumlah	207	112	95	181	26	176	31	161

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 16,117 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 27 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,616	120	3,240	3	3,253
WP KUALA LUMPUR	2,457	249	1,109	20	1,079
KEDAH	1,000	260	448	-	292
JOHOR	907	269	472	1	165
SABAH	741	142	379	-	220
MELAKA	674	297	255	-	122
NEGERI SEMBILAN	669	132	353	1	183
PULAU PINANG	618	193	185	-	240
KELANTAN	592	186	317	-	89
PERAK	583	126	285	-	172
SARAWAK	405	20	316	1	68
PAHANG	403	87	229	-	87
TERENGGANU	317	106	163	-	48
WP PUTRAJAYA	122	13	74	-	35
WP LABUAN	11	-	7	-	4
PERLIS	2	-	1	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	16,117	2,200	7,833	26	6,058

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 27 JULAI 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Batu Lapan Bakri	Tempat Kerja	Johor	Muar	20	38
2	Bukit Batu Bakri	Tempat Kerja	Johor	Muar	15	19
3	Persiaran Laman Setia Sembilan	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	15	94
4	Industri Batu 17 Saleng	Tempat Kerja	Johor	Kulai	14	45
5	Saujana Putra Kesang	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	14	87
6	Jalan Keluli Tiga Barat	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru dan Kota Tinggi	13	83
7	Industri Jasmine Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor dan Hulu Langat	29	111
8	Industri Sungai Puluh Batu Lima	Tempat Kerja	Selangor	Klang	16	350
9	Industri Mas Tujuh	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	14	90
10	Industri Jasmine Dua	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	12	56
11	Jeti Kudat	Tempat Kerja	Sabah	Kudat	44	237
12	Jalan Penampang	Tempat Kerja	Sabah	Penampang	29	105
13	Industri Kolombong	Tempat Kerja	Sabah	Kota Kinabalu, Penampang, dan Tuaran	23	69
14	Dah 14 Industri Kulim	Tempat Kerja	Kedah	Kulim	187	317
15	Dah Raya Industri Pendang	Tempat Kerja	Kedah	Pendang, Kota Setar, dan Padang Terap	33	358
16	Kuala Jambu	Tempat Kerja	Kelantan	Bachok dan Kota Bharu	10	54
17	Simpang Empat Tendong	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas dan Kuala Krai	5	5
18	Industri Jalan Senawang Dua	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	53	69
19	Pasar Besar Seremban	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban dan Jempol	15	676

20	Lorong Perusahaan Bukit Minyak 22	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	14	171
21	Jalan Tasek	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	10	393
22	Lorong Helang Hindik	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	33	87
23	Jalan Gombak Traders	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa dan Kepong	7	36
24	Teluk Cempedak	Tempat Kerja	Pahang	Kuantan	16	199
25	Jalan Beruas	Tempat Kerja	Perak	Larut, Matang, dan Selama	12	179
26	Kampung Hutan Kuin	Komuniti	Kelantan	Machang	30	78
27	Kampung Hutan Puteh	Komuniti	Kelantan	Machang	13	40
28	Kampung Kedai Buloh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	23
29	Kampung Nilam Puri	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	11	15
30	Sepekan Makmur	Komuniti	Pahang	Pekan	61	229
31	Paya Keladan	Komuniti	Pahang	Temerloh	26	61
32	Taman Astana View IM 15	Komuniti	Pahang	Kuantan	24	162
33	Kampung Anak Ikan	Komuniti	Terengganu	Besut	29	117
34	Sebayor	Komuniti	Sarawak	Samarahan dan Kuching	22	438
35	Dah Singkir	Komuniti	Kedah	Yan dan Kuala Muda	21	37
36	Kampung Bagan	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam	20	42
37	Inderasabah	Komuniti	Sabah	Tawau	14	17
38	Alor Tempoyak	Kumpulan Berisiko Tinggi	Terengganu	Dungun, Kemaman, Marang, dan Hulu Terengganu	55	413
39	Mutiara Kemuning	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Klang	6	14
40	Tembok Tapah 2	Pusat Tahanan	Perak	Batang Padang	144	350
41	Pagar Panglima Bukit Gantang	Pusat Tahanan	Perak	Kinta	59	78
42	Jalan Kajangan	Pendidikan Lain	WP Putrajaya	Putrajaya	21	98

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 26 JULAI 2021**

NEGERI	NILAI R_T
TERENGGANU	1.29
KEDAH	1.26
JOHOR	1.26
SABAH	1.23
KELANTAN	1.22
PERAK	1.22
PULAU PINANG	1.19
WP PUTRAJAYA	1.16
SELANGOR	1.14
WP KUALA LUMPUR	1.14
PAHANG	1.11
MELAKA	1.04
SARAWAK	1.04
NEGERI SEMBILAN	1.00
WP LABUAN	0.66
PERLIS	0
MALAYSIA	1.14